

AMERIKA SABOTAJ MALAYSIA

UM - 6 FEB 1991

Cuba pengaruhi sebuah negara tertentu untuk
tak sertai EAEG tajaan kita — Mahathir

F.A. with USA.

UM - 6 FEB 1991

KUALA LUMPUR 5 Feb. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini mendedahkan bahawa Amerika Syarikat telah cuba mempengaruhi sebuah negara tertentu supaya tidak menyertai Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang ditaja oleh Malaysia.

Sungguhpun begitu, katanya, Malaysia tidak beradang mengadakan perbincangan dengan Amerika Syarikat mengenai hal ini.

Tindakan Amerika Syarikat mempengaruhi negara-negara Asia supaya tidak menyertai EAEG sedikit pun tidak melemahkan semangat Malaysia untuk terus berusaha mewujudkan pakatan ekonomi seperti itu, ujar beliau.

"Bahkan semasa mereka (Amerika Syarikat) berusaha menubuhkan pasaran bersama dengan Canada dahulu, kita tidak campur tangan dan kita tidak bertanya apa-apa," katanya kepada para wartawan selepas menyampaikan ucapan dasar di Seminar Mengenai Labuan Sebagai Pusat Kewangan Pesisiran Pantai di sini pagi ini.

Kepentingan diri

Kata Perdana Menteri, adalah menjadi perkara biasa bagi mana-mana negara untuk mengutamakan kepentingan diri dan Malaysia sedar bahawa kalau mereka berpegang kepada kepentingan Amerika Syarikat, tentu mereka tidak suka akan sebarang kerjasama di antara negara-negara lain kerana ini sedikit sebanyak akan menghalang penguasaan mereka terhadap ekonomi dunia.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, adalah terlalu awal bagi beliau untuk mengatakan apa-apa tetapi pihak kerajaan akan terus berusaha menarik seberapa ba-

nyak negara di Asia Timur supaya terus bekerjasama dengan Malaysia.

Gagasan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur ini dicadangkan oleh Perdana Menteri sendiri semasa menyambut lawatan Perdana Menteri China, Li Peng ke negara ini sedikit masa lalu.

Menurut beliau, rakan sejawatannya dari Korea Utara, Yon Hyong Muk yang sedang berada di sini telah menyatakan sokongannya terhadap gagasan EAEG tetapi mereka belum mengambil sebarang pendirian.

Ditanya sama ada usaha Amerika Syarikat itu akan menyulitkan Malaysia menarik lebih banyak negara menyertai EAEG, Perdana Menteri berkata, tidak ada usaha yang mudah untuk apa-apa pun dan Malaysia sedia menghadapi segala halangan dan rintangan.

Katanya, kerajaan tidak menetapkan sesuatu jangka masa untuk merealisasikan usaha ini dan "kita sanggup bersabar."

Setakat ini, tambah beliau, semua negara ASEAN telah menyatakan persetujuan untuk menyertai EAEG.